

PENDIDIKAN AWAL PENTING BENTUK EQ ANAK

Bernama News | Rencana/Laporan Khas | 25/08/2016 | Author: Nurul Halawati Mohamad Azhari / NUH CR

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Biarpun tidak mudah untuk menentang arus, tetapi atas dasar yakin dan percaya kepada apa yang diusahakannya, Dr Putri Afzan Maria Zulkifli tidak pernah jemu bercakap dan menulis mengenai pendidikan awal kanak-kanak yang bermula dari usia 0-8 tahun.

Pengasas, yang juga pengarah Urusan pusat perkembangan minda kanak-kanak yang dinamakan Kinderkaizen itu sangat positif terhadap penekanan pendidikan awal kanak-kanak yang mengutamakan fitrah setiap kanak-kanak iaitu bermain.

"Tidak perlu terlalu dipaksa untuk lekas pandai membaca, atau terlalu awal menguasai akademik. Usia enam tahun pertama adalah usia emosi mereka sedang berkembang dan cara terbaik adalah menerusi aktiviti bermain," kata Putri Afzan.

Biarpun pada awalnya ramai yang sinis malah ada yang mengatakan bidang pendidikan awal kanak-kanak tidak penting dan tiada pasaran, tetapi Pakar Pendidikan Awal Kanak-Kanak itu membuktikan keyakinannya itu menjadi kenyataan sehingga Kinderkaizen kini telah beroperasi di sembilan buah negeri dengan jumlah keseluruhannya sebanyak 22 cawangan.

Berpengalaman sebagai pensyarah di beberapa Institusi Pengajian Tinggi tempatan seperti di UPSI dan OUM, Putri Afzan mengambil keputusan meninggalkan

kerjayanya sebagai Timbalan Dekan di Fakulti Pengajian Pendidikan Awal Kanak-kanak Universiti Antarabangsa UNITAR kerana ingin fokus membantu ibu bapa

dan kanak-kanak yang memerlukan bimbingan sepenuhnya di KinderKaizen.

Bersama suami, Mohd Faizul Iqmal Mohd Kamil yang bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kinderkaizen, Putri Afzan memberitahu Bernama modul yang digunakan di pusat itu adalah berdasarkan sistem pembelajaran di Britain.

Beliau terkesan dengan sistem pendidikan kanak-kanak di sana ketika menghabiskan pengajian Ijazah Sarjana dalam Development of Global Societies (ECE) di Universiti Metropolitan Leeds serta Doktor Falsafah (PhD) Sains Kognitif

di Universiti Sussex, Brighton, Britain.

KONSEP BERMAIN SAMBIL BELAJAR

Tujuh tahun menuntut ilmu, anak-anaknya juga sempat berada di dalam sistem

pendidikan di negara berkenaan menyebabkan Putri Afzan yakin dengan konsep bermain sambil belajar yang diterapkan di sana.

Mereka tidak menetapkan sebarang silibus di dalam kelas sebaliknya bebas melakukan apa sahaja aktiviti berdasarkan minat, kecenderungan, sosial dan emosi kanak-kanak.

"Hanya jika mereka perlukan bantuan, barulah mereka akan ditunjukkan caranya. Jika tidak, kanak-kanak di Kinderkaizen bebas berkreatif mengikut daya imaginasi dan keupayaan mereka. Guru-guru yang terlatih akan sentiasa berada

bersama mereka dalam setiap aktiviti," jelas Putri Afzan.

Tanpa kerusi meja dan buku sepertimana taska atau tadika yang biasa, modul pembelajaran dari Britain itu telahpun dibentangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan diterima serta diluluskan.

Menurut Putri Afzan, kanak-kanak dibiarkan bebas berlari atau bermain tanpa menyedari mereka sebenarnya sedang belajar sesuatu daripada aktiviti yang dijalankan.

"Kanak-kanak yang gembira dapat membentuk EQ (Emotional Quotient) yang hebat sekaligus akan merangsang IQ mereka, jelas ibu kepada lima cahayamata itu.

"Konsep yang digunakan di KinderKaizen adalah memperkembangkan minda kanak-kanak dengan penekanan pembelajaran holistik yang melibatkan keseimbangan kognitif."

BELAJAR TANPA BUKU?

Oleh kerana tiada jadual yang khusus serta penekanan kepada pembelajaran tanpa buku, ramai ibu bapa yang bertanya: "Bilakah anak mereka boleh membaca? Adakah mereka bersedia untuk masuk ke darjah satu?"

Menurut Putri Afzan, pada usia 0-6 tahun, adalah tahap di mana EQ mereka berkembang. Jika dirangsang dan dibentuk dengan cemerlang, memiliki EQ yang stabil, IQ akan dapat dibentuk dengan baik.

"Jadi kanak-kanak yang EQnya stabil apabila masuk umur tujuh tahun, mereka sebenarnya telah bersedia untuk menerima input-input seperti yang diajar di peringkat sekolah dengan mudah."

"Malah Rasulullah SAW juga menekankan usia 0-6 tahun adalah masa untuk anak menerima kasih sayang, belaian, perhatian dan dimanja. Setelah usia meningkat tujuh tahun barulah mereka bersedia memasuki usia belajar," sambung Putri Afzan.

Sungguhpun tiada buku, kanak-kanak di KinderKaizen sebenarnya diajar memegang pen dan pensel serta membaca secara kognitif dalam bentuk permainan.

Sebagai contoh satu kes unik di KinderKaizen Wangsa Maju seorang kanak-kanak yang tidak langsung boleh memegang pensil pada hari pertama, namun dalam tempoh dua bulan kanak-kanak tersebut sudah pandai menulis di atas papan hitam yang terpampang di dinding kelas. Malah sudah mampu melukis dan menulis menggunakan tangan kanan dan kiri.

Tiada paksaan untuk kanak-kanak tersebut menulis, tetapi ia datang secara semulajadi dalam proses dia bermain dan belajar bersama teman-temannya yang lain.

"Sebenarnya tidak ada satu hala dalam kaedah mendidik anak. Setiap anak berbeza dari segi emosi, tahap dan keupayaan mereka. Apa yang perlu adalah ibu bapa sendiri mengenali anak mereka. Tidak perlu terlalu mengikut arus kerana anak juga perlu dibiarkan dan diberi ruang untuk menjadi diri mereka sendiri," jelas Putri Afzan lagi.

Beliau turut menasihatkan ibu bapa supaya tidak mudah panik atau rasa ketinggalan apabila melihat anak teman mereka yang sudah pandai membaca, atau menghafaz Al-Quran pada usia yang masih muda.

"Kenali anak kita dan paling utama adalah menjaga dan membentuk emosi mereka terlebih dahulu. Bila emosi dan behaviour anak stabil, IQ akan datang dengan mudah tanpa perlu dipaksa," sambung Putri Afzan.

DARI WANITA UNTUK WANITA

Sempena Hari Wanita yang disambut pada hari ini, 25 Ogos, Putri Afzan mengajak para wanita yang juga ibu supaya memahami perkembangan anak dengan sentiasa memberi perhatian serta berusaha memenuhi keperluan mereka.

"Saya akui masa untuk anak adalah sangat terhad bagi ibu yang bekerja. Tetapi saya sangat menggalakkan ibu supaya meluangkan masa selama 10 minit untuk

membacakan buku kepada anak sebelum mereka tidur. Elakkan sama sekali memberikan

anak gadget sehingga mereka tertidur," saran beliau.

Selain itu, ibu bekerjaya turut disarankan agar melupakan urusan kerja seketika sebaik sahaja sampai di rumah dengan memberikan tumpuan seratus peratus kepada keluarga.

Sebagai wanita, Putri Afzan mahu melihat wanita hari ini sentiasa positif dan kuat sebagai tulang belakang suami.

Paling penting, ibu sama ada bekerja atau tidak, latihlah diri supaya sentiasa membaca dan mencari ilmu dalam membentuk sebuah keluarga yang berkualiti.

-- BERNAMA
NUH CR